

**MAJLIS PERBANDARAN KAJANG
TAWARAN SEBUTHARGA**

Tawaran ini adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang memiliki **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (SPPK)**, dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dari **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dalam gred, kategori dan pengkhususan berkaitan dan memiliki **Sijil Taraf Bumiputera** dari **Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU)**, atau syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)** dalam bidang dan jenis pendaftaran yang berkaitan bagi perolehan yang berkenaan. Kontraktor / syarikat juga perlu berdaftar dengan **Unit Perancang Ekonomi (UPEN) Selangor** dan masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja / perkhidmatan / bekalan berikut:

No. Sebutharga	Tajuk Projek	Pendaftaran dan Taraf	Gred, Kategori Dan Pengkhususan	Harga Dokumen (RM)	Tarikh Dokumen Dijual
MPKj S 120/2021	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Di Jalan Anggerik Perdana 3 Dan Jalan 3/6, Bandar Teknologi Kajang, Semenyih, Daerah Hulu Langat Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya	CIDB G1	CE01 & CE21	RM50.00	24 September 2021 Hingga 8 Oktober 2021
MPKj S 121/2021	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Di Jalan Semenyih Ria 2, Jalan Semenyih Ria 3, Jalan Semenyih Ria 4, Taman Semenyih Ria, Semenyih, Daerah Hulu Langat Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya				
MPKj S 122/2021	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Di Jalan Dalma 1, 2, 3, Dan 4, Taman Dalma, Semenyih, Daerah Hulu Langat Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya				
MPKj S 123/2021	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Di Jalan Langat Ceria 4, Taman Hulu Langat Ceria, Hulu Langat, Daerah Hulu Langat Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya				
MPKj S 124/2021	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Di Jalan Utama Jalan Mahkota Cheras, Bandar Mahkota Cheras, Cheras, Daerah Hulu Langat Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya				
MPKj S 125/2021	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Di Jalan Damai Perdana 5/2, Taman Damai Indah, Cheras, Daerah Hulu Langat Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya		CE01, CE21 & CE34		

DOKUMEN MEJA TERKAWAL

Penyebutharga boleh merujuk Dokumen Meja Terkawal di laman sesawang Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) di <http://www.mpkj.gov.my/ms>.

Penyebutharga terlebih dahulu dikehendaki mendaftar secara atas talian di laman sesawang <http://tender.selangor.gov.my> dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) sebelum membeli Dokumen Tawaran.

Sila pastikan **MAKLUMAT SYARIKAT** (nombor telefon yang boleh dihubungi dan email) di dalam Sistem Tender Online Selangor 2.0 **DIKEMASKINI**.

Pembelian Dokumen Tawaran secara atas talian diwajibkan melampirkan salinan resit asal bayaran semasa tarikh tutup sebutharga. Resit tersebut hendaklah dilampirkan di muka surat hadapan dokumen. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan Dokumen Tawaran ditolak.

Tempoh penjualan Dokumen Tawaran adalah pada **24 SEPTEMBER 2021 HINGGA 8 OKTOBER 2021**. Dokumen Tawaran tidak akan dikeluarkan selepas dari tarikh tersebut.

TARIKH PENYERAHAN

Dokumen Tawaran yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri dan bertanda dengan tajuk kerja berkenaan. Penyebutharga hendaklah menghantar Dokumen tersebut dengan menggunakan perkhidmatan **POS BERDAFTAR/ KURIER** sahaja dan memastikan Dokumen tersebut selamat tiba **SEBELUM atau PADA 8 OKTOBER 2021 (JUMAAT) JAM 12.00 TENGAHARI** di alamat:

**Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kajang
(Peti Sebutharga/ Tender)
Aras Bawah, Bahagian Bekalan Dan Perolehan
Menara MPKj
Jalan Cempaka Putih, Off Jalan Semenyih
43000 Kajang
Selangor Darul Ehsan**

Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.

LAWATAN TAPAK

Lawatan tapak adalah tidak diwajibkan. Namun begitu, Penyebutharga dinasihatkan supaya melawat tapak projek sebelum mengemukakan sebutharga bagi mengetahui lebih lanjut mengenai keadaan tapak bina yang akan dihadapi. Sebarang tuntutan akibat kesilapan dalam menentukan kaedah pembinaan atau menghargakan sebutharga disebabkan kekurangan pengetahuan mengenai keadaan tapak bina tidak akan dilayan.

Dalam hal ini, sekiranya Penyebutharga mahu melawat sendiri kawasan atau tapak berkenaan, amalan penjarakan, penggunaan 'hand sanitizer' dan pemakaian 'face mask' perlu dipatuhi seperti yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).